

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

# MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KARNIVAL USAHAWAN SISWA 1.0

DEWAN KULIAH MASMED,  
KOMPLEKS USAHAWAN • 3  
DISEMBER 2024



## SINERGI KEUSAHAWANAN MEMBENTUK KEMAMPUAN MAHASISWA

PROF. TS. DR. SALMIAH KASOLANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah SWT atas limpah rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk satu majlis yang dianjurkan oleh Pusat Keusahawanan Mahasiswa (PKM) MASMED, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama dalam program yang penuh bermakna ini. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KARNIVAL USAHAWAN SISWA 1.0 (KUS 1.0) dan kerana Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan kolaborasi iaitu warga kerja Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Universiti Negeri Malang, Universitas Jember, Unit Kesihatan UiTM, The Dua Event & Management, Technopreneur Club, dan Meskom Club kerana bersama-sama menggembelng tenaga untuk merealisasikan majlis ini.



Inisiatif ini merupakan satu langkah yang proaktif dan sangat relevan dengan keperluan semasa, khususnya dalam membentuk generasi muda yang dinamik, berdaya saing, dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masa depan. Ingin saya tekankan di sini konsep "Sinergi Keusahawanan dalam membentuk Kemampunan Mahasiswa".

Firman Allah SWT dalam Surah Hud, ayat 61:  
 "Dia telah menciptakan kamu daripada bumi (tanah) dan mengkehendakimu memakmurkannya..."

Ayat ini mengingatkan kita tentang peranan besar yang diamanahkan kepada kita sebagai khalifah di muka bumi. Dalam konteks hari ini, sinergi keusahawanan dan kemampunan mahasiswa adalah antara manifestasi tanggungjawab kita untuk memakmurkan bumi ini dengan cara yang lestari dan beretika.



## KEUSAHAWANAN SEBAGAI PEMANGKIN KEMAMPANAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Keusahawanan bukan hanya berkisar tentang keuntungan semata-mata tetapi juga tentang menyumbang kepada masyarakat dan menjaga kelestarian sumber alam. Dalam dunia akademik, keusahawanan sering dilihat sebagai alat untuk mencipta nilai, manakala kemampunan pula adalah matlamat jangka panjang yang memastikan keseimbangan antara ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Sebagai mahasiswa, kalian semua bukan sekadar pewaris negara tetapi juga agen perubahan.

Sinergi antara keusahawanan dan kemampunan memberi peluang untuk mencipta perniagaan yang bukan sahaja menguntungkan tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat. Ini selari dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan kesejahteraan manusia, termasuk memelihara harta, nyawa, dan alam sekitar.



Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda:

"Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada orang lain." (Hadis Riwayat Ahmad)

Hadis ini mengingatkan kita bahawa perniagaan yang memberi manfaat kepada masyarakat adalah perniagaan yang diberkati.

Sinergi ini bermaksud kerjasama strategik yang membawa kepada hasil yang lebih besar daripada usaha individu. Dalam konteks keusahawanan mahasiswa, sinergi boleh wujud melalui kolaborasi antara universiti, industri, dan komuniti. Sebagai contoh, universiti boleh menyediakan platform seperti inkubator perniagaan untuk mengasah bakat mahasiswa, manakala industri boleh menawarkan pengalaman praktikal dan sokongan modal. Komuniti pula menjadi penerima manfaat daripada projek-projek keusahawanan yang memberi impak sosial. Melalui sinergi, kita dapat memanfaatkan sumber yang ada dengan lebih efisien, mengelakkan pembaziran, dan mencapai matlamat yang lebih besar. Sebagai mahasiswa, anda harus mengambil peluang ini untuk mengembangkan potensi diri sambil menyumbang kepada masyarakat.





Firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah, ayat 2:

"...dan tolong-menolonglah kamu dalam (melakukan) kebaikan dan ketakwaan, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan..."

Ayat ini menekankan pentingnya kerjasama yang berlandaskan niat yang baik dan prinsip kebaikan.



## KEMAMPAHAN ADALAH TANGGUNGJAWAB KOLEKTIF

Hadirin yang dihormati,

Kemampuan bukan sekadar istilah popular tetapi adalah keperluan mendesak. Dunia hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran seperti perubahan iklim, ketidaksamaan ekonomi, dan pengurangan sumber semula jadi. Sebagai generasi muda, mahasiswa harus memahami tanggungjawab mereka dalam memastikan pembangunan yang lestari.

Dalam keusahawanan, kemampuan boleh diterapkan melalui pendekatan perniagaan hijau, inovasi teknologi mesra alam, dan amalan perniagaan yang adil. Sebagai contoh, perniagaan sosial yang mengutamakan kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar semakin mendapat tempat di hati generasi muda. Usaha ini tidak sahaja mendatangkan manfaat ekonomi tetapi juga mencerminkan prinsip Islam yang menuntut kita menjaga alam sebagai amanah Allah SWT. Rasullullah SAW bersabda:

**"Dunia ini hijau dan indah, dan Allah telah melantik kamu sebagai pengurusnya, dan Dia melihat apa yang kamu lakukan."** (Hadis Riwayat Muslim)

Sebagai mahasiswa, tanggungjawab kalian adalah untuk memastikan segala tindakan yang diambil – sama ada dalam kehidupan seharian atau aktiviti keusahawanan – adalah selaras dengan prinsip kemampuan.

## PERANAN MASMED DALAM MENYOKONG SINERGI KEUSAHAWANAN

Hadirin yang dimuliskan,

Berdasarkan intipati yang saya sebutkan tadi, pasti ada yang bertanya apakah peranan MASMED? Bagaimana MASMED membantu usahawan siswa? MASMED UTM adalah platform utama untuk membentuk sinergi keusahawanan dan kemampuan. MASMED UTM bukan sekadar tempat untuk menimba ilmu tetapi juga wadah untuk mengembangkan kemahiran, membina jaringan, dan mencetuskan inovasi. Untuk makluman semua, MASMED UTM telah melaksanakan beberapa langkah strategik termasuk menawarkan kursus yang mengintegrasikan prinsip kemampuan dalam keusahawanan, mewujudkan ruang untuk mahasiswa berinteraksi dengan industri dan komuniti dan menggalakkan penyelidikan dan pembangunan teknologi yang mesra alam.

Alhamdulillah setakat ini MASMED telah berjaya melahirkan lebih 24,000 usahawan pelajar dan memenangi beberapa anugerah seperti Best Entrepreneurship Academy dan Entrepreneurship University of the Year. Antaranya Ben Ali & Nadiyah Shahab, pemilik Absolut Chocolat, Muhammad Hafiz bin Dato' Abd Hamid and Nur Liyana binti Abdul Rahman, pemilik LeeyanaRahman, Nazifi Nasri (usahawan/ selebriti/ alumni), Sabrina Ridzal (usahawan/ selebriti/ alumni) dan ramai lagi.

Sehingga sekarang, nama-nama besar ini tidak pernah lokek untuk membantu usahawan mahasiswa kita. Saya amat percaya sinergi yang kukuh antara universiti, industri, dan kerajaan sesungguhnya akan melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja berdaya saing tetapi juga prihatin terhadap tanggungjawab sosial dan alam sekitar.

## PENUTUP DAN INSPIRASI MASA HADAPAN

Sebagai kesimpulan, konsep "Sinergi Keusahawanan dalam membentuk Kemampunan Mahasiswa" yang saya jelaskan sebentar tadi adalah untuk mengajak kita semua untuk merenung dan bertindak. Keusahawanan adalah medium untuk mencipta peluang, manakala kemampunan adalah kompas yang memastikan hala tuju kita sentiasa berada di landasan yang betul.

Sebagai inspirasi, izinkan saya mengakhiri ucapan ini dengan sebuah kata-kata pujangga:

**"Bumi ini bukan diwarisi daripada nenek moyang kita tetapi dipinjam daripada anak cucu kita."**

Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa apa jua tindakan kita hari ini akan memberi kesan kepada generasi akan datang. Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha untuk membina dunia yang lebih baik, dengan sinergi yang kukuh dan prinsip kemampunan yang jitu.

Akhir kata, saya berharap mahasiswa sekalian akan terus mengambil peluang ini untuk menjadi pemimpin yang bukan sahaja cemerlang tetapi juga bertanggungjawab. Semoga segala usaha kita diberikati Allah SWT dan memberi manfaat kepada ummah.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan program "PROGRAM KARNIVAL USAHAWAN SISWA 1.0 (KUS 1.0)"pada kali ini.

Sekian, Webillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.



# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS  
USAHAWAN**